

NO. SOALAN: 514

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

SOALAN

YB Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) senarai operator bas di Lembah Klang, jumlah laluan yang dilalui dan bilangan bas setiap laluan itu; dan
- (b) sasaran dalam menambahkan bilangan operator bas dan kaedah dalam pemberian lesen operator bas di Lembah Klang.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, sebanyak 13 operator memberikan perkhidmatan bas henti-henti di kawasan Lembah Kelang, merangkumi 273 laluan dan 1,370 buah bas.
2. Senarai operator bas henti-henti di Lembah Klang, jumlah laluan yang dilalui dan bilangan bas setiap laluan itu adalah seperti berikut:

| No. | Pengendali Bas Berhenti-henti di Lembah Kelang | Bilangan Laluan | Bilangan Bas |
|------------|---|----------------------------|-------------------------|
| 1. | Rapid KL | 169 | 817 |
| 2. | Sri Indah Jaya sdn Bhd | 2 | 13 |
| 3. | Kenderaan Klang Banting Bhd | 26 | 95 |
| 4. | Setara Jaya Sdn Bhd | 6 | 51 |
| 5. | Gito Translink Travels Sdn Bhd | 2 | 3 |
| 6. | De' alfa City Bus Sdn Bhd | 3 | 4 |
| 7. | Seranas Sdn Bhd | 8 | 50 |
| 8. | Selangor Omnibus Sdn. Bhd. | 5 | 25 |
| 9. | Wawasan Sutera Travel & Tours Sdn Bhd | 12 | 38 |
| 10. | Syarikat Bas Len Seng Sdn Bhd | 1 | 8 |
| 11. | Faro Resources (m) Sdn.Bhd | 1 | 1 |
| 12. | Metrobus Nationwide Sdn Bhd | 36 | 261 |
| 13. | Sri Theven Travel & Tours Sdn Bhd | 2 | 4 |
| | JUMLAH | 273 | 1370 |

3. Buat masa ini, tiada perancangan untuk menambah bilangan operator bas henti-henti di Lembah Klang. Walaubagaimanapun, pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) S.P.A.D sedang merangka cadangan penambahbaikan perkhidmatan sesuai dengan inisiatif Transformasi Servis Bas Henti-henti (SBST).
4. Di antara cadangan-cadangan yang sedang dikenalpasti ialah menyarankan para pengendali sedia ada untuk beroperasi berdasarkan sistem koridor bagi memaksimakan kapasiti *loading* bas dan pengurangan kos secara menyeluruh. Selain itu, terdapat juga perancangan untuk mewujudkan laluan-laluan baru yang belum diberi perkhidmatan bagi menyokong rangkaian perkhidmatan rel yang sedia ada dan akan datang.
5. Inisiatif ini dijangka akan dapat memperbaiki sistem Pengangkutan Awam bagi memastikan ia selesa dan menepati keperluan penduduk di Lembah Kelang .

Sekian, terima kasih.